









# BERITA Misi Perkhidmatan Pelanggan Mesra, Cepat & Tepat KUALITI KEUTAMAAN KAMI PETALING JAYA

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)  Majlis Bandaraya Petaling Jaya    [pjcitycouncil](#)  [pjita](#)  [smartpj](#)

BIL. 5/2021

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)

**PERCUMA**



## PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

**Berita Penuh MS 3**

### GERAN KOMUNITI : PETALING JAYA MAMPAN 3.0

Objektif utama Geran Komuniti ini adalah untuk meningkatkan prestasi MBPJ dalam 10 bidang berkaitan menerusi penyertaan masyarakat, rakan perkongsian dan inklusif ke arah Petaling Jaya Mampan 2030.

**Berita Penuh MS 2**


### PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN ATAS TALIAN



### OPERASI PERKHIDMATAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) MBPJ

Pembayaran bil secara dalam talian ini adalah sejajar dengan inisiatif Majlis ke arah 'counterless' selain mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di mana masyarakat tidak digalakkan untuk keluar rumah dan melakukan segala urusan yang menyediakan perkhidmatan secara dalam talian.

**Berita Penuh MS 4**



# Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkitaj | smartpj

## PENAUNG

TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali

## PENASIHAT

Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG  
Abdul Hakim bin Khairuddin

## WARTAWAN

Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin  
Muhammed Azmi bin Yusoff  
Hasbullah bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN  
Nur Mazliyana Edurar binti Mazelan  
Mohammad Shah bin Badlishah

## JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohammed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar


## PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin  
Amiera Firzanah binti Mohamad Rosnani

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 | Faks : 03-7958 2695 | Email : media@mbpj.gov.my



# GERAN KOMUNITI : PETALING JAYA MAMPAN 3.0

Majlis Bandaraya Petaling Jaya secara rasminya telah melancarkan Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan 3.0 atau juga dikenali sebagai *PJ SEED for Sustainability 3.0* bagi tahun 2021.

Pelancaran geran ini merupakan inisiatif MBPJ untuk menjemput organisasi dalam kalangan masyarakat seperti Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Bersama, Persatuan Ibu Bapa & Guru, institusi pengajian tinggi awam & swasta, tempat ibadat dan Badan/Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dan diperakui oleh Majlis untuk merancang dan melaksanakan projek atau inisiatif yang akan membantu Majlis meningkatkan prestasi dalam 10 bidang yang telah ditetapkan.

Sepuluh bidang yang dimaksudkan adalah *Smart City & Digital Economy*, *Bandar Hijau & Green Economy*, *Circular Economy & 3R*, *Low Carbon City*, *Bandar Selamat*, *Child Friendly City*, *Learning City*, *Pengangkutan & Infrastruktur Berdaya Tahan*, *Universal Design*, dan *Society 5.0*. Bidang tersebut telah dipilih berdasarkan visi masa depan Majlis selaras dengan SDG 2030 ataupun asas kejayaan Majlis dan perakuan yang diperolehi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Objektif utama Geran Komuniti ini adalah untuk meningkatkan prestasi MBPJ dalam 10 bidang berkaitan menerusi penyertaan masyarakat, rakan perkongsian dan inklusif ke arah Petaling Jaya Mampan 2030. Dalam erti kata lain, ianya memberikan bantuan kewangan permulaan kepada masyarakat untuk mengesyorkan dan melaksanakan inisiatif yang akan membantu meningkatkan program, strategi dan hala tuju Majlis dalam bidang yang telah digariskan.

Organisasi yang berminat untuk membantu meningkatkan prestasi MBPJ dalam pembangunan mampan Petaling Jaya khususnya pencapaian *Sustainable Development Goal* (SDG 2030) adalah dialu-alukan untuk mengemukakan permohonan sebelum atau pada 30 Ogos 2021.

Majlis berharap inisiatif yang dilaksanakan ini mendapat perhatian, sambutan dan penglibatan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan serta memberi manfaat kepada semua pihak.

Untuk makluman, Geran Komuniti PJ SEED telah dilancarkan sejak 2 tahun yang lalu dan MBPJ telah meluluskan sebanyak 93 projek dengan peruntukan berjumlah RM1.45 juta telah diberikan kepada organisasi terpilih dan layak sejak geran tersebut diperkenalkan.

Hanya projek dalam bidang berkaitan dengan tujuan meningkatkan prestasi MBPJ sahaja yang layak untuk mendapat bantuan geran. Memandangkan tahun ini merupakan tahun ke-3 pelaksanaan PJ SEED, kriteria dan bidang utama telah ditambah baik dan menjadikan ianya sebanyak 10 bidang sahaja berbanding 11 bidang pada tahun-tahun sebelum ini. Pemilihan projek yang memberi impak tinggi kepada Majlis akan diberi keutamaan. Projek yang dicadangkan mestilah mencapai objektif yang disasarkan serta memberi impak positif terhadap kemampuan bandar raya Petaling Jaya pada masa akan datang.

## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**Aznan bin Hj. Hassan**  
Timbalan Setiausaha / Pengarah,  
Jabatan Pembangunan  
Kemasyarakatan  
Tel : 03-7960 3293

**Mohd Rosnani bin Hj. Hamid**  
Pengarah,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Tel : 03-7955 0819

**Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah**  
Pengarah,  
Jabatan Perbandarajaan  
Tel : 03-7955 2354

**Tn. TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman**  
Timbalan Pengarah,  
Jabatan Perancang  
Tel : 03-7955 7934

**Ir. Ismail bin Shafie**  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan  
Tel : 03-7958 7993

**Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh**  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian Dan  
Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

**Hamidah binti Hj. Ariffin**  
Pengarah,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

**LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar**  
Penolong Pengarah Kanan  
Jabatan Landskap  
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

**Mohd Fauzi bin Maarop**  
Pengarah,  
Jabatan Penguatkuasaan  
Tel : 03-7958 8081

**Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin**  
Pengarah,  
Jabatan Pelesenan  
Tel : 03-7960 4513

**Mahzura binti Mohd Amin**  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran  
Tel : 03-7957 5240

**Lee Lih Shyan**  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
Dan Pembersihan Awam  
Tel : 03-7954 1534

**Samsul Bahari bin Nonchi**  
Pengarah,  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel : 03-7955 2553

**Haniza binti Abdul Hamid**  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7958 1764

**Hjh. Norlida binti Mohd Isa**  
Pengarah,  
Unit Audit Dalam  
Tel : 03-7954 0130

**Norzita binti Mokhtar**  
Pengarah,  
Unit Perundangan  
Tel : 03-7957 8042

**Tee Szu Fong**  
Pengarah,  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
Tel : 03-7954 1725

**Sr. Jayanthi a/p Kupusamy**  
Pengarah,  
Unit Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)  
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan  
Petaling Jaya Utara**  
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,  
Prestij Kota Damansara,  
47310 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /  
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /  
03-6143 5942



# PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengingatkan orang ramai agar sentiasa patuh pada SOP yang telah ditetapkan untuk bersama-sama mengekang wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

Unjuran statistik menunjukkan, daerah Petaling masih lagi berada di dalam zon tidak selamat (zon merah) yang kelihatan semakin lama semakin meningkat jumlah wabak kes. Situasi ini juga sebenarnya menunjukkan bahawa wabak pandemik COVID-19 ini sebenarnya semakin lama semakin dekat menghampiri kita.

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jumlah kes harian akibat COVID-19 semakin meningkat. Begitu juga kes kematian, kes di ICU dan kes yang memerlukan bantuan pernafasan. Hospital dan PKRC juga semakin penuh.

Masyarakat Petaling Jaya diseru agar sentiasa mengamalkan Kawalan Pergerakan Mandiri dan Keluarga sebagai langkah pencegahan memutuskan rantaian penularan COVID-19. Ini mengambil kira situasi semasa yang semakin serius di mana COVID-19 menular di kebanyakan tempat, akibat daripada peningkatan kes-kes sporadik dalam komuniti. Secara tidak sedar, sesiapa sahaja boleh dijangkiti atau menjangkiti individu lain.

Hakikatnya virus tidak bergerak, yang bergerak adalah manusia dan yang berhimpun juga adalah manusia. Semakin banyak pergerakan masyarakat dan kontak dengan orang lain, semakin tinggi kebarangkalian untuk virus ini merebak dan menjangkiti. Lebih-lebih lagi jika masyarakat tidak memakai pelitup muka, saling bersentuhan, tidak menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 hingga 2 meter di antara satu sama lain, bersesak-sesak di tempat yang sempit, dan tiada pengudaraan yang baik. Tindakan-tindakan seperti inilah yang perlu dilakukan semua pihak agar rantaian jangkitan COVID-19 dapat diputuskan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk terus mempraktikkan Kawalan Pergerakan Mandiri dan Keluarga serta kurangkan berada di luar rumah. Antara amalan atau langkah yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Kekal duduk di rumah dan hanya keluar apabila perlu.
- ii. Sekiranya perlu keluar, hanya seorang wakil bagi setiap rumah untuk sebarang urusan di luar serta sentiasa mematuhi SOP yang telah digariskan.
- iii. Bekerja dari rumah berdasarkan jadual penggiliran tugas dan bagi mereka yang dibenarkan oleh Ketua Jabatan.
- iv. Rancang pergerakan bagi mengelakkan kesesakan di tempat awam.
- v. Elakkan daripada menyertai sebarang aktiviti berisiko yang melibatkan orang ramai.
- vi. Belilah barang keperluan secara dalam talian atau secara pukal bagi kegunaan seisi rumah.
- vii. Buat temujanji sebelum berjumpa dengan doktor.
- viii. Kekal sihat dengan mengamalkan pelbagai aktiviti senaman di dalam kawasan rumah sendiri.
- ix. Amalkan prinsip tidak menerima tetamu di rumah untuk tempoh ini. Sebaliknya, optimumkan penggunaan teknologi komunikasi untuk kekal berhubung dengan ahli keluarga dan rakan.

Kita harus terus konsisten mematuhi SOP yang telah digariskan dan berusaha mengamalkan langkah-langkah Kawalan Pergerakan Mandiri dan Keluarga.

Kini, tanggungjawab di atas bahu kita semua untuk menjaga diri kita, keluarga kita, masyarakat kita dan negara kita. Kita juga merupakan barisan hadapan buat diri kita. Wujudkan persepsi bahawa diri kita sendiri dan semua orang di sekeliling kita boleh menjadi pembawa COVID-19 walaupun mereka nampak sihat dan tiada bergejala. Bersama-samalah kita memutuskan rantaian COVID-19 ini.



# OPERASI PERKHIDMATAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menetapkan waktu operasi perkhidmatan (secara temu janji sahaja) bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini. Majlis juga boleh untuk meneruskan waktu operasi perkhidmatan ini jika tempoh PKP ini dilanjutkan ke suatu tarikh yang akan ditentukan kelak. Orang ramai dinasihatkan agar merancang masa dengan sebaiknya jika hendak berurusan di Majlis. Segala maklumat terkini berkenaan waktu operasi perkhidmatan juga turut di muat naik ke dalam laman sosial rasmi Majlis seperti Facebook, Twitter dan Instagram.

Majlis terus proaktif dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada warga Petaling Jaya. Namun demikian, warga Petaling Jaya adalah digalakkan untuk membuat bayaran secara dalam talian (online).

Pembayaran bil secara dalam talian ini adalah sejajar dengan inisiatif Majlis ke arah 'counterless' selain mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di mana masyarakat tidak digalakkan untuk keluar rumah dan melakukan segala urusan yang menyediakan perkhidmatan secara dalam talian. Penyediaan bayaran secara dalam talian ini juga merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini dan dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melaksanakan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat.

Sehubungan itu, Majlis turut menyediakan perkhidmatan secara dalam talian kepada masyarakat untuk kemudahan pelanggan berurusan dengan Majlis. Antara kemudahan perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SISTEM	PERKHIDMATAN
1.	Sistem Aduan Online	Pengurusan Aduan
2.	eCommerce Karung Kitar	Pengurusan Penjualan Beg Karung Kitar
3.	Sistem eLesen	Permit Perayaan Permit Sementara Permit Kerusi Meja Permit Siarkaki Permit Perniagaan Lesen Iklan Lesen Perniagaan Serta Merta Lesen Perniagaan Kritikal – Tidak Berisiko Lesen Perniagaan Krtikal – Berisiko Lesen Penjaja Lesen Pasar Awam Lesen Anjing Lesen Iklan Luaran Lesen Hiburan
4.	eMBPJ	Semakan Bayaran Kontraktor Semakan Cagaran Semakan Cukai Semakan Kompaun Semakan Sewaan ePenjawatan
5.	eTempahan	Tempahan Kemudahan Awam
6.	MyPark	Sewa Letak Kereta Bermusim dan Petak Merah
7.	eCOreloved	Pengurusan Penjualan Barang Terpakai
8.	eCOB	COB
9.	OSC Online	OSC
10.	eBuilding MBPJ	Sistem Pengurusan Bangunan
11.	Tender Online Selangor	Pengurusan Tender Selangor
12.	ePay@MBPJ	Pengurusan Pembayaran Pelbagai Jenis Bil-bil MBPJ
13.	ILMU	Semakan Peminjaman Buku dan Carian Buku Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya
14.	eTender	Pengurusan Pengiklanan dan Pemakluman Pelantikan Sebuttharga dan Tender MBPJ
15.	Smart PJ Enforcement	Semakan dan Bayaran Kompaun MBPJ
16.	eCukai@MBPJ	Pengurusan Semakan dan Bayaran Cukai Taksiran
17.	Bazar@PJKITA	e-hailing
18.	Smart Selangor Parking	Pengurusan Bayaran Letak Kereta dan Bayaran Saman Letak Kereta
19.	PJ City Bus	Pemantauan Pergerakan PJ City Bus

## AMALAN HIJAU MELESTARIKAN KEBERSIHAN BANDAR RAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited mengamalkan amalan hijau bagi memastikan kelestarian bandar raya Petaling Jaya kekal bersih. Majlis amat menitikberatkan isu seperti pembuangan sampah, pembuangan sisa pepejal agar ianya dapat memelihara kebersihan Petaling Jaya. Selain itu, amalan hijau juga dapat memberi keseimbangan yang baik dalam memperbaiki ekosistem akibat kemusnahan tangan manusia. Ia juga selaras dengan matlamat pembangunan lestari yang menginginkan pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat untuk memastikan bandar yang didiami kekal bersih.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa mempraktikkan budaya amalan hijau seperti penanaman pokok teduhan di sekitar laluan pejalan kaki, taman permainan, pokok hiasan dalam bangunan dan tasik di Petaling Jaya. Ia berperanan sebagai ejen penapis kepada pembebasan haba keterlaluan. Majlis turut melaksana Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang menerapkan amalan-amalan hijau seperti 'Go Green' yang menggalakkan penggunaan bahan-bahan kitar semula.

Kempen-kempen berkaitan amalan hijau hendaklah dilakukan sejak dari peringkat sekolah supaya kecintaan terhadap alam semula jadi dapat dipupuk sejak kecil. Masyarakat khususnya generasi muda perlu sedar bahawa pentingnya menanam pokok selain fungsi pokok terhadap alam sekitar.

Majlis telah menjalankan pelbagai pendekatan bagi menerapkan amalan-amalan hijau di Petaling Jaya dari segi pelaksanaan dan juga hebahan seperti dalam bentuk poster, iklan, hebahan media dan pelbagai medium lagi bertujuan memberi maklumat pentingnya amalan hijau ini.

Masyarakat perlu ambil peduli dan cakna mengenai perkara yang boleh merosakkan alam sekitar seperti penebangan hutan secara tidak terancang dan pembuangan sisa pepejal secara haram. Adalah menjadi suatu kesalahan jika keadaan ini berterusan berlaku dan masyarakat perlu melaporkan segera kepada Majlis jika ianya berlaku di kawasan berhampiran supaya dapat ditangani segera, sekali gus membantu Majlis dalam memantau aktiviti tidak bermoral ini. Kompaun atau denda akan dikenakan kepada individu yang melakukan aktiviti yang menjejaskan alam sekitar.

Amalan hijau ini bukannya terletak pada tanggungjawab Majlis sahaja, akan tetapi hendaklah dipikul bersama. Usaha Majlis dalam terus melestarikan bandar raya Petaling Jaya amat memerlukan kerjasama secara berterusan masyarakat setempat agar Petaling Jaya kekal diiktiraf sebagai bandar raya bersih setaraf dengan bandar raya luar negara.



## BAHAYA ANCAMAN SIBER

Kepesatan di dalam era media digitalisasi banyak mempengaruhi kehidupan manusia sejagat. Komunikasi pada masa kini tidaklah semata-mata tertumpu kepada komunikasi dua hala secara berhadapan sahaja, malah komunikasi turut banyak dilakukan secara maya mahupun menerusi alam siber.

Pelbagai aktiviti dilakukan secara dalam talian kini. Namun, kecanggihan dan kepesatan ICT bukan saja mendatangkan kesan positif kepada kehidupan manusia, bahkan turut membawa kepada impak negatif yang boleh membahayakan kehidupan jika tidak diawasi dan ditangani sebaiknya. Kecanggihan ICT juga memberi maksud manusia perlu bersedia dengan pelbagai ancaman yang mampu merosakkan kehidupan menerusi serangan siber terhadap sistem serta rangkaian komputer. Serangan siber boleh berlaku dalam bentuk penghantaran virus melalui e-mel, spam, gangguan, ancaman penggadam, serangan virus, penafian perkhidmatan dan pencerobohan yang akan mengakibatkan kerugian besar serta menyebabkan kebocoran maklumat sulit syarikat mahupun kerajaan.

Majlis berharap agar semua kakitangan Majlis serta masyarakat sentiasa waspada dengan jenayah siber. Tidak dinafikan bahawa jenayah siber akan sentiasa ada selagi urusan dalam talian berlangsung. Oleh itu, beberapa langkah pencegahan boleh diamalkan bagi menjaga keselamatan siber seperti :

- i. Pastikan kata laluan selamat
- ii. Kemas kini perisian keselamatan
- iii. Simpan dan lindungi maklumat
- iv. Elak mudah terpedaya dengan pautan-pautan yang meragukan
- v. Beretika menggunakan internet, laman media sosial
- vi. Fikir sebelum klik
- vii. Ambil tahu ancaman siber terkini

Majlis Bandaraya Petaling Jaya saban tahun mengadakan Program Kesedaran Keselamatan ICT bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga MBPJ mengenai keselamatan maklumat dan data termasuk mengetahui jenis-jenis ancaman keselamatan siber masa kini serta tanggungjawab melindungi maklumat Majlis daripada kebarangkalian terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Program ini juga menggalakkan perkongsian dan percambahan idea kreatif dan berinovasi yang berorientasikan ICT dan memberi pendedahan kepada kakitangan dalam membudayakan keselamatan ICT ke arah perkhidmatan yang cekap dan berintegriti.



# SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengingatkan kepada masyarakat setempat agar sentiasa berwaspada terhadap situasi denggi di Petaling Jaya. Atas faktor cuaca yang tidak menentu, Majlis khawatir pembiakan nyamuk aedes akan mudah berlaku di kawasan seperti premis kediaman atau tempat kerja sekiranya kerja-kerja pembersihan terutamanya bekas takungan air tidak dilakukan.

Untuk makluman, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke-18 sehingga 8 Mei 2021 adalah sejumlah 386 kes yang dilaporkan. Walau bagaimanapun jumlah kes ini mencapai penurunan sehingga 80 peratus (%) berbanding pada tahun 2020 iaitu 1,976 kes.

Bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk, Majlis ingin mengajak orang ramai untuk meluangkan masa 10 minit untuk membersihkan kawasan persekitaran kediaman masing-masing bagi mencegah dan mengelakkan pembiakan nyamuk aedes berlaku. Melalui pemeriksaan rutin oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ mendapati banyak tempat berisiko pembiakan nyamuk aedes berlaku di persekitaran rumah.

Hasil pemerhatian yang dilakukan, banyak bekas, botol atau takungan air tidak dilupuskan atau disusun dengan teratur sehingga menyebabkan berlakunya takungan air hujan. Keadaan ini akan menambah risiko kepada penduduk ekoran pembiakan nyamuk aedes yang tak terkawal. Justeru, Majlis memohon kerjasama semua penduduk untuk melakukan perkara seperti berikut:

- i. Memeriksa dan melupuskan semua bekas yang berpotensi menyebabkan pembiakan nyamuk aedes secara teratur.
- ii. Menggunakan abate (ubat pembunuh jentik-jentik) dalam bekas menampung air yang tidak dapat dilupuskan.
- iii. Menggunakan *repellent* nyamuk semasa menjalankan aktiviti luar rumah terutamanya pada waktu awal pagi dan lewat petang bagi menghalang gigitan nyamuk.
- iv. Menyembur aerosol dalam rumah pada waktu lewat senja bagi membunuh nyamuk dewasa.

Berikut adalah senarai lokaliti wabak terkawal di Petaling Jaya.

Bil.	Lokaliti Wabak Terkawal	Tarikh Tamat Wabak
1	Apartment Flora Damansara, PJU 8	12 Mei 2021
2	SS2	17 Mei 2021
3	SS3	15 Mei 2021
4	Flat Desa Menteri 2, PJS 6	12 Mei 2021
5	Tiara Kelana Kondo SS 7	20 Mei 2021
6	Sri Manja Square PJS 3	9 Mei 2021



**Perangi  
AEDES  
HABIS-HABISAN**

Luangkan masa  
**10 minit** setiap minggu  
untuk mencari dan memusnahkan  
tempat-tempat pembiakan  
**jentik-jentik aedes**

+603 7956 3544 +603 7956 1494 www.mbpj.gov.my  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcivicouncil



## SUMBANGAN AIDILFITRI ANAK YATIM DAN ASNAF

**PJU 1A, 1 MEI 2021** - Seramai 17 anak yatim, tiga orang kurang upaya dan 10 asnaf telah menerima sumbangan Aidilfitri yang disampaikan Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan dan pengerusi Surau Al-Muhajirin PPR Lembah Subang 2, Tn. Hj. Talhah. Sumbangan ini untuk menunjukkan keprihatinan ketua masyarakat kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam kalangan penduduk di PPR itu.



## PROGRAM MARHABAN YA RAMADHAN ZON 15

**SEKSYEN 4, 1 MEI 2021** - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon dan Pengarah Khidmat Pengurusan MBPJ, En. Mohamad Rosnani Hj. Hamid telah menyampaikan sumbangan bakul makanan dan gulai kawah kepada penghuni Kwarters Inai Merah dalam majlis yang berlangsung di Surau Al-Islah Kwarters Inai Merah.



## MAJLIS IFTAR PERDANA MPP ZON 17

**BANDAR UTAMA, 1 MEI 2021** - Bagi menghargai sumbangan dan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Ahli Majlis, Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor telah menganjurkan majlis iftar perdana yang telah diadakan di Hotel One World, Bandar Utama. Majlis ini turut dihadiri Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon.



## ZON ILMU : KULIAH SECARA DALAM TALIAN

**KELANA JAYA, 1 MEI 2021** - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah mengaktifkan Zon Ilmu iaitu program ilmu secara dalam talian anjuran Ahli Majlis Zon 22. Seramai 50 orang peserta telah mengikuti Zon Ilmu edisi ke-2 dengan tajuk "Malam al-Qadar" yang telah disampaikan oleh Dr. Jefri Haris.



## EDARAN BARANG KEPERLUAN HARIAN

**SEKSYEN 51A, 2 MEI 2021** - Bertempat di dewan Pangsapuri Impian Baiduri, Ahli Majlis Zon 14, En. Sugumaran a/l Annamalai telah menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan harian kepada penduduk perumahan tersebut. Sumbangan ini untuk membantu golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadhan.



## SANJUNGAN BUDI AIDILFITRI

**SEKSYEN 52, 3 MEI 2021** - Ahli Majlis Zon 13, En. Ng Yih Mii telah menyampaikan sumbangan kuih raya kepada penduduk di Zon 13 untuk beramah mesra dengan penduduk di samping berkongsi kegembiraan membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



## PENGHARGAAN SEMPERA HARI IBU

**SEKSYEN 51A, 9 MEI 2021** - Bagi menzahirkan penghargaan atas jasa para ibu yang telah melahirkan dan mendidik anak-anak, Ahli Majlis Zon 14, En. Sugumaran a/l Annamalai telah menyampaikan hadiah berupa kuntuman bunga mawar sebagai simbolik rasa kasih serta penghargaan atas pengorbanan para ibu sempena sambutan Hari Ibu di Zon 14.



## PROGRAM JALINAN KASIH AIDILFITRI MPP ZON 15

**JALAN SELANGOR, 13 MEI 2021** - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah menyampaikan sumbangan kuih raya kepada penduduk sekitar Zon 15 untuk menyemarakkan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.